



**MESYUARAT KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
SESI 2008-2010**

MINIT MESYUARAT NO. 01/2009

Tarikh : 21 Januari 2009 [Rabu]
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Pejabat KURNIA, Tingkat 3

HADIR:

Sdr. Muhammad Shahrir bin Muhd Shariff	Presiden
Sdr. Mohd Yazid bin Ahmad	Naib Presiden
Sdr. Saupi Azran Muhamad Tamjis	Setiausaha
Sdri. Norasita binti Haji Zainal	Penolong Setiausaha
Sdr. Azman bin Asri	AJK
Sdr. Shamsul bin Paris	AJK
Sdr. Yusni bin Yusop	AJK
Sdr. Khalid bin Muhammad	AJK
Sdr. Mohamad Zaini bin Mohamad	AJK
Sdr. Abdul Malek bin Johari	AJK
Sdri. Rahida binti Abdul Razak	AJK
Sdri. Rafidah binti Chee Ros	AJK
Sdri. Ezan Rohana binti Zamri	AJK

TIDAK HADIR BERSEBAB:

Sdr. Tuan Haji Mokhtar bin Ahmad	Bendahari
Sdr. Shahrul Zaman bin Abdul Rahman	AJK

NO	AGENDA	TINDAKAN
1.	<p>UCAPAN KATA-KATA ALUAN Pengerusi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah. - Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih di atas kehadiran exco dan ahli jawatkuasa juga mengalu-alukan kehadiran Sdr. Zaini yang baru sahaja sembuh dari demam denggi. 	
2	<p>MELULUSKAN MINIT MESYUARAT</p> <p>Kelulusan minit mesyuarat yang lepas ditangguhkan ke mesyuarat yang akan datang di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.</p>	
3	<p>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</p> <p>3.1 Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa pihak KURNIA akan menghantar surat tahniah di atas pengurniaan darjah-darjah kehormat kepada Rektor UIAM yang membawa gelaran Datuk Sri, Ustaz Hamidon Abdul Hamid dan Tuan Haji Ahmad Zailan Shaari yang masing-masing membawa gelaran Dato’.</p> <p>3.2 Sdr. Pengerusi memaklumkan bahawa KURNIA telah membawa usul pencen di dalam mesyuarat ‘JCC’ yang telah diadakan pada penghujung Disember 2008 yang dibentangkan oleh Naib Presiden KURNIA.</p> <p>3.3 Sdr. Naib Presiden menjelaskan lebih lanjut tujuan dan halatuju isu pencen yang diketengahkan dan usaha yang perlu digerakkan adalah untuk tujuan mendaftarkan KURNIA sebagai ahli CUEPACS yang dirasakan akan mendapat pembelaan hak-hak pekerja juga mendapat pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya yang akan diterima oleh ahli-ahli KURNIA khususnya dan juga kakitangan UIAM amnya.</p> <p>3.4 Ahli mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak ‘ASA’ juga turut memberi sokongan terhadap usul yang dibentangkan di dalam mesyuarat ‘JCC’ yang lalu.</p> <p>3.5 Ahli Jawatankuasa mengusulkan untuk mewujudkan ‘Collective Agreement’ (CA) dengan pihak UIAM memandangkan di dalam situasi UIAM yang telah ditubuhkan atas Akta Syarikat. Cadangan ‘CA’ ini untuk diwujudkan adalah perlunya UIAM merujuk kepada satu skim yang kukuh dan bersifat konsisten yang akan menguntungkan kedua belah pihak yakni majikan dan pekerja.</p>	<p>Setiausaha</p> <p>Makluman</p> <p>Naib Presiden</p> <p>Naib Presiden</p> <p>Makluman</p>

	<p>3.6 Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa pertandingan futsal yang telah dianjurkan bersama KURNIA mendapat sambutan yang amat menggalakkan walaupun terdapat sedikit kepayahan pada dasarnya; iaitu kesuntukkan masa untuk mendapatkan tajaan. Dan pihak KURNIA terpaksa mengeluarkan sebanyak RM1000 kerana tiada penajaan seperti yang dijanjikan.</p> <p>3.7 Pihak KURNIA mendapat rungutan dari pekerja-pekerja yang menjawat jawatan sebagai pembantu makmal yang mana mereka tidak diberi peluang untuk menghadiri program 'bridging' seperti lain-lain IPTA. Ini adalah disebabkan pihak UIAM tidak dapat menyediakan kursus tersebut yang juga kos pembiayaannya agak mahal. Kursus ini juga telah mendapat pengiktirafan dari JPA dan ia adalah dikhaskan untuk pekerja yang menjawat jawatan sebagai pembantu makmal. Pengerusi memberitahu pihak AJK cuba mendapatkan berapakah kakitangan UIAM yang perlu dan layak kepada kursus tersebut.</p> <p>3.8 Sdr. Setiausaha memaklumkan ahli mesyuarat bahawa mesyuarat GAKUM akan diadakan pada 23-25 Februari 2009 yang akan diadakan di UUM, tetapi masih belum mendapat surat jemputan dari pihak UUM.</p> <p>3.9 Sdri. Penolong Setiausaha memberi maklumbalas tentang kursus yang dihadiri bersama Sdr. Setiausaha yang telah diadakan pada 22-23 Disember 2008. Kursus Pengurusan Kesatuan Sekerja Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Selangor dan W. Persekutuan Kuala Lumpur itu telah dirasmikan oleh Puan Anita Ahmad, Pengarah Kesatuan Sekerja, JHEKS bertempat di Kelab Shah Alam Selangor.</p>	<p>Makluman</p> <p>Naib Presiden/ Setiausaha</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>4.</p>	<p>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</p> <p>4.1 <u>Ceramah 'Ministerial Leaderships' oleh KPT</u></p> <p>Pihak KURNIA telah mendapatkan nama sesiapa yang berminat untuk menghadiri ceramah yang akan disampaikan oleh Datuk Khaled Nordin, Menteri di Pengajian Tinggi pada 30 Januari 2009 bertempat di J.W. Marriot IOI Mall, Putrajaya bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengahari. Jemputan ini adalah datangnya dari Pengawai Khas Kepada Rektor UIAM.</p> <p>4.2 <u>Gerai KURNIA</u></p> <p>Sdr. Zaini memaklumkan mesyuarat bahawa beliau ada bertanyakan satu gerai untuk KURNIA kepada pihak FFSD. Dengan adanya gerai ini dapatlah KURNIA menjana ekonomi.</p> <p>4.3 <u>Laman Sawang KURNIA</u></p> <p>Keseluruhan laman sawang KURNIA sudah siap dan cuma menunggu untuk mendapatkan kelulusan pihak ITD untuk di 'upload' ke laman sawang utama UIAM</p>	<p>Makluman</p> <p>Sdr. Zaini</p> <p>Sdr. Yusni</p>

4.4	<p><u>CLA Bagi Pekerja Yang Telah Mati Gaji</u></p> <p>Isu yang dikemukakan oleh Sdri. Rafidah yang mengatakan bahawa salah seorang pemandu UIAM yang mendapat keputusan CLA yang membolehkan beliau mendapat anjakan/kenaikan gaji, tetapi tidak mendapat seperti yang sepatutnya. Sdr. Azman menyatakan bahawa kakitangan UIAM yang telah mati gaji tidak digalakkan untuk menduduki peperiksaan CLA kerana tidak ada peruntukkan bagi mereka yang telah mati gaji. Sdr. Pengerusi juga memaklumkan agar ahli tersebut hendaklah menulis surat kepada KURNIA maka dapatlah pihak KURNIA menyalurkan ke pihak-pihak yang sepatutnya.</p>	Makluman
4.5	<p><u>Kenaikkan Pangkat Secara Lantikan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh Sdr. Azman Asri bahawa pihak UIAM tidak mengamalkan Kenaikkan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) sepertimana yang diamalkan oleh mana-mana IPTA ataupun pihak Kerajaan.</p>	Makluman
4.6	<p><u>Mesyuarat Agung KURNIA</u></p> <p>Pengerusi mesyuarat mencadangkan bahawa Mesyuarat Agung KURNIA bagi sesi 2008/2010 akan diadakan pada bulan September 2009.</p>	Makluman
4.7	<p><u>Kekurangan Kakitangan Keselamatan UIAM</u></p> <p>Sdr. Naib Presiden memaklumkan bahawa kakitangan keselamatan UIAM telah dipaksa untuk kerja lebih masa memandangkan kakitangan keselamatan yang tidak mencukupi tetapi tidak dibenarkan untuk mendapatkan imbuhan (claim) bagi sesiapa yang telah memenuhi kuota kerja lebih masa.</p>	Makluman
4.8	<p><u>Memohon Bantuan Kewangan (Subsidise) Kepada Sesiapa Yang Memakai Kaca Mata</u></p> <p>Sdri. Ezan memaklumkan ahli mesyuarat bahawa seorang ahli KURNIA menanyakan jika ada bantuan atau imbuhan daripada pihak KURNIA untuk memberi bantuan kepada sesiapa yang memakai kaca mata.</p> <p>Sdr. Pengerusi memberitahu bahawa pihak KURNIA tidak pernah memberi bantuan seumpamanya dan menyarankan ahli tersebut hendaklah menulis surat kepada OSHU jika persekitaran tempat kerjanya menjadikan dia terpaksa menukar kaca mata setiap tahun.</p>	Makluman Makluman
4.9	<p><u>Biro Rekreasi</u></p> <p>Sdr. Zaini mengesyorkan agar pihak KURNIA membuat program-program untuk anak-anak ahli KURNIA seperti program ukhuwwah serta juga program kerohanian.</p>	Sdr. Zaini

	<p>4.10 <u>Kutipan Untuk Palestine</u></p> <p>Sdr. Malek mencadangkan agar KURNIA mengadakan kutipan untuk membantu Palestine. Ahli mesyuarat pada dasarnya setuju dengan usul yang diterima.</p>	Makluman
5.	<p>LAIN-LAIN HAL</p> <p>Pengerusi mesyuarat mengucapkan takziah kepada Sdr. Yusni yang mana rumah beliau hampir terlibat di dalam keruntuhan tanah di Bukit Antarabangsa yang lalu.</p>	Makluman
6.	<p>LAPORAN KEWANGAN</p> <p>Tiada laporan kewangan disebabkan ketidak-hadiran Sdr. Bendahari.</p>	
7	<p>UCAPAN PENANGGUHAN</p> <p>Sdr. Pengerusi berharap Exco dan AJK KURNIA dapat memantapkan lagi kerjasama selain tolong menolong serta bantu membantu sesama ahli setidak-tidaknya dapat membuka mata dan telinga pihak-pihak yang berkenaan.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan dengan Tasbih Kafarah dan Surah al-Asr jam 1.30 petang.</p> <p style="text-align: center;">Oleh:</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">SAUPI AZRAN BIN MUHAMAD TAMJIS Setiausaha KURNIA Sesi 2008/2010</p> <p style="text-align: center;">Disahkan Oleh:</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">MUHAMMAD SHAHRIR BIN MUHD SHARIFF Presiden KURNIA Sesi 2008/2010</p>	